



سيارن اخبار
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

KENYATAAN MEDIA
BERIKUTAN SITUASI COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
17 Syawal 1441 / 9 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 17 Syawal 1441H bersamaan 09 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang manakala jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesihatan yang sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Sementara itu, pada masa ini, seramai 120 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Manakala seramai 2,703 orang telah menamatkan tempoh kurantin dan dalam keadaan yang baik.

4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 572 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 22,664 ujian. Berhubung dengan kontek-kontek kes yang didapati positif di Kuala Lumpur, ujian makmal virus SARS-CoV-2 bagi 134 kontek kes adalah negatif, manakala yang lain masih lagi menunggu keputusan ujian.

5. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 287,799 pengguna telah memuat turun aplikasi tersebut ke dalam telefon bimbit masing-masing dan seramai 355,402 ahli telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah 6,212 telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, sebanyak 1,778 premise perniagaan telah memuat turun aplikasi PremiseScan yang mana kemudahan ini adalah dikhasakan bagi kegunaan orang ramai yang tidak mempunyai telefon bimbit untuk masuk ke premise berkenaan.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 17 Syawal 1441H / 9 Jun 2020